

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

18. Apakah caranya untuk memastikan kawasan-kawasan untuk dibersihkan atau dibaiki dapat dijalankan dengan sistematik mengikut jadual dan lebih efisien memandangkan maklum balas yang diterima adalah pekerja MBPP di lapangan tidak cukup kakitangan dan hanya dijangka akan dilantik selepas bulan April?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Pada ketika ini, di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya terdapat kekurangan kakitangan bagi kerja-kerja pembersihan disebabkan oleh kakitangan yang telah bersara dan ditamatkan perkhidmatan. Walau bagaimanapun MBPP telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan mutu perkhidmatan kerja-kerja pembersihan tidak terjejas seperti berikut:-
- (a) Melakukan proses pengisian semula tenaga pekerja seramai 184 orang pada tahun ini bagi menampung keperluan kakitangan yang bersara serta yang ditamatkan perkhidmatan;
  - (b) Melaksanakan pembersihan kawasan secara berjadual mengikut kawasan-kawasan yang telah ditetapkan; dan
  - (c) Menjalankan pembersihan secara *taskforce* sebanyak dua (2) kali seminggu bagi kawasan-kawasan yang bermasalah dan kritikal serta perlu menggunakan pembersihan secara mekanikal dengan penyusunan

jadual tenaga pekerja dari kawasan setiap DUN untuk membantu menjalankan tugas pembersihan tersebut.

Melalui langkah-langkah tersebut, MBPP mampu memastikan perkhidmatan pembersihan di seluruh kawasan pulau tidak terjejas walaupun berlakunya kekurangan kakitangan pada ketika ini.